

08 SEP 2000
Konvensyen/I

PERANAN MEDIA DI NEGARA BERKECUALI DIBINCANG PADA KONVENSYEN

SHAH ALAM, 8 Sept (Bernama) -- Lebih 300 peserta termasuk 150 wartawan asing akan menghadiri konvensyen mengenai peranan media di Negara-negara Berkecuali di sini bermula 20 Sept ini.

Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Sept, kata pengerusi jawatankuasa penyelaras konvensyen Datuk Mahadzir Mohd Khir hari ini.

Menteri Besar Selangor Dr Mohamad Khir Toyo akan menutup konvensyen itu pada 22 Sept.

Peserta terdiri daripada penuntut kajian sebaran am, katanya pada sidang media di sini.

Mahadzir berkata konvensyen itu akan merumuskan garis panduan seragam dalam penyebaran maklumat kepada penduduk negara-negara Dunia Ketiga.

Ia akan menjadi perintis bagi menganjurkan program latihan kepada wartawan dari Negara-negara Berkecuali, katanya.

Konvensyen itu dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Penuntut dan Belia Negara-negara Berkecuali (NASYO) Pusat Wilayah Asia Timur, Persatuan Wartawan Melayu (PWM) dan kerajaan negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kajian Media Universiti Malaya dan Jabatan Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

PWM adalah satu daripada pengasas NASYO yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Antara matlamat pentingnya adalah memperjuangkan hak asasi manusia dan ketidakadilan oleh Dunia Barat terhadap Negara Dunia Ketiga.

Pembentang kertas kerja termasuk Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian Datuk Ahmad Rejal Arbee, Setiausaha Agung Persekutuan Wartawan Asean Abdul Razak dari Indonesia dan Presiden Persatuan Wartawan Singapura Razak Montel.

Mereka yang berminat untuk menghadiri konvensyen itu boleh menghubungi sekretariat di talian 03-2449126.

Hari ini Mahadzir juga menerima sumbangan RM150,000 daripada Suardi Misran, pengarah eksekutif Sri Antan Sdn Bhd bagi penganjuran konvensyen itu.

-- BERNAMA
KM YBY LAT MAI